



TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA

**MAJLIS PELANTIKAN RAKAN STRATEGIK UTAMA PROGRAM
FOOD BANK MALAYSIA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

PADA

17 MAC 2021 (RABU)

TEMPAT

**PERKARANGAN BILIK MESYUARAT BUNGA RAYA, ARAS 10
(MENARA), KPDNHEP**

Salam Sejahtera,

SALUTASI

(Akan disediakan ketika majlis)

ALUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah hadir ke Majlis Pelantikan Rakan Strategik Utama Program Food Bank Malaysia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada hari ini.

2. Program Food Bank Malaysia (PFBM) ini merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan sejak tahun 2018 yang bertujuan untuk **membantu meringankan kos sara hidup rakyat selain mengurangkan isu pembaziran makanan yang masih boleh dimakan.**

3. Sehingga **Januari 2021**, seramai **624,445 ahli isi rumah** telah berjaya mendapat manfaat daripada Program ini termasuk **Program Food Bank Siswa yang telah diperkenalkan di 25 buah Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)** diseluruh negara.

Para hadirin sekalian,

4. Mulai 30 Jun 2020, Program ini diperhalusi lagi dengan pelaksanaan model baharu agar mampu memberi impak positif kepada golongan yang memerlukan selain dapat membantu rakan industri dalam menguruskan lebihan makanan secara lebih sistematik.
5. Pelaksanaan Model Baharu ini adalah bagi mewujudkan hubungan sinergi yang mampu memberi faedah yang maksima kepada pihak Kementerian sebagai peneraju Program dan NGO serta Syarikat sebagai **Rakan Strategik Utama (RSU) Program Food Bank Malaysia.**

6. KPDNHEP berpandangan Program Food Bank Malaysia ini akan dapat lebih diperkasakan melalui kerjasama strategik seperti ini memandangkan perlaksanaan program food bank sangat memerlukan jalinan kerjasama, sukarelawan dan tidak memberikan implikasi kewangan yang besar kepada kerajaan untuk dijayakan sebaiknya.
7. Oleh yang demikian, majlis pelantikan di bawah pelaksanaan model baharu Program Food Bank Malaysia pada hari ini bertujuan untuk mengiktiraf peranan serta sumbangan senarai NGO dan Syarikat yang telah menyumbang tenaga serta kepakaran dalam menjayakan PFBM sejak tahun 2018.
8. Selain itu, pelantikan RSU ini juga bertujuan untuk:
 - i. Mewujudkan perkongsian tenaga kemahiran, kemudahan aset dan logistik diantara KPDNHEP dan RSU yang mana dapat mengoptimumkan penggunaan secara bersama;

- ii. Meningkatkan sumber tenaga sukarelawan di bawah inisiatif PFBM dalam menyokong usaha Kerajaan memupuk semangat dan budaya kesukarelawan dalam kalangan masyarakat;
 - iii. Melibatkan penglibatan NGO dan syarikat yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam mengendalikan food bank bagi menambah baik keberkesanan PFBM; dan
 - iv. Mengoptimumkan sumber sumbangan lebihan makanan melalui perkongsian dan kolaborasi strategik di antara Kementerian dan RSU.
9. Justeru, pihak KPDNHEP sangat berbesar hati untuk melantik NGO dan Syarikat yang mempunyai pengalaman yang luas dan kemampuan untuk bersama-sama Kementerian bagi mengembangkan Program Food Bank dengan lebih berkesan.
10. Saya difahamkan, setiap NGO dan Syarikat adalah mengikut pengkhususan pelantikan yang telah

dipersetujui secara bersama mengikut pengalaman dan keupayaan NGO dan Syarikat tersebut.

11. Jadi, melalui pelantikan ini, Kementerian amat mengalu-alukan penglibatan para pemain industri peruncitan dan pengedaran dan ingin mengajak lebih ramai lagi syarikat-syarikat di bawah seliaan KPDNHEP secara sukarela menjadikan platform yang disediakan oleh Kementerian ini sebagai medium syarikat dalam menjalankan *Corporate Social Responsibility (CSR)*.

Para hadirin sekalian,

12. Pihak Kementerian dalam usaha melaksanakan projek rintis teknologi “**Retort**” bagi tujuan menyelamatkan dan meningkatkan jangka hayat lebihan makanan (yang masih baik dan belum disentuh) daripada industri perhotelan dan katering daripada terus dibazirkan.

13. Projek rintis bagi inisiatif ini akan dilaksanakan di Hotel Seri Malaysia, Perlis dan Hotel Primula, Terengganu pada tahun ini dan ia akan diperluaskan kepada pemain industri perhotelan dan katering yang lain sebagai salah satu langkah inovatif pihak Kementerian untuk membantu golongan yang memerlukan.
14. Pihak Kementerian juga berpandangan program Food Bank Malaysia ini boleh dijadikan sebagai platform bagi membentuk semangat dan budaya kesukarelawan di kalangan rakyat Malaysia. Justeru pihak Kementerian mengalu-alukan penglibatan daripada semua pihak termasuklah di kalangan Rakan Strategik Utama untuk bersama-sama dengan Kementerian dalam menggalakkan penglibatan para sukarelawan di dalam program ini melalui program siri advokasi yang akan dilaksanakan oleh Kementerian.

15. Selain itu, dalam usaha menggalakkan penglibatan lebih ramai penyumbang dalam program ini, Kementerian juga telah memperkenalkan **Akta Perlindungan Penderma Makanan 2020 (AKPM2020)** yang telah diwartakan pada 13 Mac 2020 yang bertujuan melindungi serta meredakan kebimbangan penderma-penderma, terutamanya pihak industri terhadap risiko tindakan undang-undang sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini sekaligus menggalakkan sumbangan makanan secara sukarela untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan.

16. Sehubungan dengan itu, saya percaya dengan dengan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian serta diperkuatkan lagi dengan kerjasama yang erat dengan Rakan Strategik Utama, Kementerian yakin dapat mencapai objektif **Pembaziran Makanan Sifar** dan satu hari nanti **#ZEROFOODWASTE** dapat direalisasikan sebagai budaya hidup rakyat Malaysia.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

17. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua senarai NGO dan Syarikat yang telah bersetuju untuk membantu menjayakan PFBM bersama-sama dengan pihak KPDNHEP.
18. Saya berharap melalui perlantikan dan kerjasama ini iaanya akan memberi lebih nilai tambah kepada perlaksanaan program food bank khususnya dan memberi manfaat kepada rakyat yang memerlukan amnya.

Sekian. Terima kasih.